

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

PROGRAM PENGURUSAN RISIKO BENCANA  
BERASASKAN KOMUNITI



# ISI KANDUNGAN

**02**

Latar Belakang

---

**02**

Objektif

---

**03**

**MODUL 1**

Pengenalan Pengurangan Risiko  
Bencana

---

**04**

**MODUL 2**

Kesiapsiagaan Komuniti dalam  
Bencana

---

**08**

**MODUL 3**

Pengurusan Risiko Bencana  
Berasaskan Komuniti

**09**

**MODUL 4**

Tinjauan Kawasan

---

**11**

**MODUL 5**

Pelan Tindakan Bencana

---

**13**

Kesimpulan dan Langkah  
Seterusnya

---

**14**

Senarai Gambar

---

## LATAR BELAKANG

Pembangunan modul atau kit panduan (toolkit) Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) adalah penting bagi meningkatkan daya tahan dan kesiapsiagaan komuniti dalam menghadapi bencana. Inisiatif ini bertujuan untuk membekalkan fasilitator dengan panduan yang tersusun dan praktikal bagi membantu komuniti mengenalpasti risiko, merancang tindak balas, serta memperkukuh keupayaan tempatan. Modul ini boleh disesuaikan dengan penglibatan dari semua lapisan masyarakat dewasa, termasuk warga emas, wanita, dan golongan rentan. Modul ini juga berfungsi sebagai rujukan untuk memastikan keseragaman, keberkesanan, dan kecekapan dalam pelaksanaan latihan dan bengkel CBDRM.

## OBJEKTIF

1

Memberi fasilitator rujukan yang seragam dan mesra pengguna bagi menyampaikan pengetahuan pengurusan risiko bencana di peringkat komuniti secara berkesan.

2

Menyediakan alat dan aktiviti praktikal yang boleh digunakan dalam bengkel bersama komuniti, bagi mewujudkan sesi pembelajaran yang lebih interaktif, partisipatif dan bermakna.

3

Meningkatkan kapasiti dan keyakinan fasilitator dalam melaksanakan program pengurangan risiko bencana berasaskan komuniti melalui metodologi yang jelas dan strategi yang boleh disesuaikan.



Sumber MERCY Malaysia

# MODUL 1



MODUL 1:  
PENGENALAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA



TEMPOH:  
30 MINIT



KUMPULAN:

## Objektif

Memberi pemahaman tentang definisi asas fasa pengurangan risiko bencana serta memahami konsep risiko bencana berdasarkan bahaya, kerentanan & kapasiti

## Bahan-bahan

- Slaid pembentangan
- Alat bantuan perkongsian maklumat
- Gambar bencana
- Borang soalan soal selidik

## Pembahagian urusetia

- Penceramah utama
- Pengurus pentas
- Fasilitator
- Pelapor

## Kaedah pelaksanaan

- Pembentangan
- Perbincangan
- Pembentangan

## Langkah-langkah

### Langkah 1: Penerangan Latar Belakang Bencana Tempatan

Fasilitator memancarkan slaid gambaran sejarah bencana tempatan yang pernah berlaku kepada komuniti dan berbincang kesan dan impak bencana kepada komuniti setempat (sosial, ekonomi, kesihatan dan lain-lain).

### Langkah 2: Penerangan Definisi dan Konsep Pengurusan dan Pengurangan Bencana

1. Menerangkan definisi bencana dan konsep pengurusan dan pengurangan risiko bencana
2. Penerangan kepada jenis dan kategori bencana
3. Penerangan kitaran pengurusan risiko bencana

### Langkah 3: Sesi Soal Jawab

Fasilitator memastikan semua peserta memahami konsep pengurusan dan pengurangan risiko bencana

## Manfaat kepada komuniti

- Konsep risiko bencana dan pendekatan risiko bencana
- Amalan pengurangan risiko bencana
- Tindakan meminimumkan impak bencana adalah penting untuk melindungi keselamatan komuniti setempat

# MODUL 2



MODUL 2:  
KESIAPSIAGAAN KOMUNITI DALAM BENCANA



TEMPOH:  
30-45 MINIT



KUMPULAN:

## Objektif

Membina kefahaman tentang kepentingan dan langkah kesiapsiagaan yang efektif dalam menghadapi bencana

## Bahan-bahan

- Slaid pembentangan
- Alat tulis - pen penanda pelbagai warna
- Kertas mahjong
- Pita pelekat kertas (*Masking tape*)
- Nota lekit (*Sticky note/ Post-it note*)

## Pembahagian urusetia

- Penceramah utama
- Pengurus pentas
- Fasilitator
- Pelapor

## Kaedah pelaksanaan

- Pembentangan
- Perbincangan
- Pembentangan

## Langkah-langkah

### Langkah 1: Penerangan Kepentingan Sejarah Bencana

1. Fasilitator memancarkan slaid gambaran sejarah bencana tempatan yang pernah berlaku kepada komuniti dan berbincang kesan dan impak bencana kepada komuniti setempat (sosial, ekonomi, kesihatan dan lain-lain).
2. Perbincangan kepentingan sejarah bencana kepada komuniti setempat

### Langkah 2: Sesi Perkongsian Pengalaman Menghadapi Bencana

Fasilitator akan bertanyakan kepada komuniti yang pernah menghadapi situasi bencana sebagai satu kaedah untuk mengupas isu, masalah dan impak kepada kehidupan harian komuniti sama ada sebelum, semasa atau selepas bencana berlaku.

### Langkah 3: Penerangan Kepentingan Pengurusan dan Pengurangan Risiko Bencana

1. Fasilitator akan berkongsi maklumat tujuan dan kepentingan pengurusan risiko bencana kepada komuniti.
2. Penerangan kepada proses pengurusan risiko bencana berasaskan komuniti
3. Penerangan kepada struktur pengurusan risiko bencana

### Langkah 4: Sesi Soal Jawab

Fasilitator memastikan semua peserta memahami tanggungjawab dalam pengurusan bencana di peringkat individu, keluarga dan komuniti berdasarkan situasi bencana sebelum, semasa dan selepas.

## Manfaat kepada komuniti

Peningkatan kesediaan perancangan pengurangan impak risiko dalam komuniti

## PENGURUSAN BENCANA



**Gambar 1 :**  
Jadual pengurusan sebelum, semasa dan selepas bencana di peringkat individu, keluarga dan komuniti.

# MODUL 3



MODUL 3:  
PENGURUSAN RISIKO BENCANA BERASASKAN KOMUNITI



TEMPOH:  
30-45 MINIT



KUMPULAN:

## Objektif

- Memberikan pendedahan kepada komuniti berkenaan aktiviti dalam kesiapsiagaan menghadapi bencana
- Membolehkan komuniti melaksanakan aktiviti kesiapsiagaan menghadapi bencana

## Bahan-bahan

- Slaid pembentangan
- Alat tulis - pen penanda pelbagai warna
- Kertas mahjong
- Pita pelekat kertas (*Masking tape*)
- Nota lekit (*Sticky note/ Post-it note*)

## Pembahagian urusetia

- Penceramah utama
- Pengurus pentas
- Fasilitator
- Pelapor

## Kaedah pelaksanaan

- Pembentangan
- Perbincangan
- Pembentangan

## Langkah-langkah

### Aktiviti 1: Garis Waktu Bencana

1. Fasilitator memberi penerangan kepentingan garis waktu bencana kepada komuniti.
2. Peserta berkongsi pengalaman situasi bencana dan kesan/impak kepada komuniti (sosial, ekonomi dan lain-lain)
3. Aktiviti dalam kumpulan

### Aktiviti 2: Komunikasi Risiko Setempat

1. Fasilitator memberi penerangan kepentingan komunikasi risiko setempat kepada komuniti.
2. Peserta berkongsi pendapat pembentukan agensi atau pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana sama ada sebelum, semasa atau selepas mengikut empat fasa (Kesiapsiagaan, Tindakbalas, Pemulihan dan Pencegahan/Mitigasi).
3. Aktiviti dalam kumpulan

### Aktiviti 3: Kalendar Musim

1. Fasilitator memberi penerangan kepentingan kalendar musim kepada komuniti.
2. Peserta akan mengisi pandangan mereka dengan pengalaman perubahan:
  - Iklim
  - Bahaya
  - Masalah kesihatan
  - Aktiviti sara hidup
  - Aktiviti kesihatan
  - Aktiviti sosial
  - Aktiviti keagamaan
  - Pendapatan isi rumah
3. Mengenalpasti perubahan yang berlaku dalam tempoh 10 tahun kebelakangan dari bencana besar yang pernah berlaku.
4. Aktiviti dalam kumpulan.

**Aktiviti 4: Keperluan Persediaan Menghadapi Bencana**

1. Fasilitator memberi penerangan keperluan penting dalam persediaan menghadapi bencana kepada komuniti.
2. Aktiviti dalam kumpulan.

**Manfaat kepada komuniti**


Peningkatan kesediaan perancangan pengurangan impak risiko dalam komuniti



**Gambar 2 :**  
Aktiviti 1 - Garis Masa Bencana

Empat (4) fasa utama pengurusan risiko bencana iaitu:

1. Fasa Kesiapsiagaan,
2. Fasa Tindakbalas
3. Fasa Pemulihan
4. Fasa Pencegahan/Mitigasi.



**Gambar 3 :**  
Aktiviti 2 - Komunikasi Risiko Setempat

**MODUL 3**  
Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti

**KALENDAR BERMUSIM**

PETUNJUK	TAHUN	BULAN												PETUNJUK
		Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Cuaca / Iklim	2014													
	2014													
Bahaya Alam	2014													
	2014													
Isu dan Masalah Kesihatan	2014													
	2014													
Aktiviti Sara Hidup Setempat	2014													
	2014													
Aktiviti Kesihatan	2014													
	2014													
Aktiviti Social dan Keagamaan	2014													
	2014													

**Gambar 4 :**  
Aktiviti 3 - Kalendar Musim

**BEG SIAGA**



**Gambar 5 :**  
Aktiviti 4 - Keperluan Persediaan Menghadapi Bencana

# MODUL 4



MODUL 4:  
TINJAUAN KAWASAN



TEMPOH:  
60 MINIT



KUMPULAN:

## Objektif

- Meningkatkan kesedaran kepada komuniti setempat dalam fasa mitigasi dan kesiapsiagaan
- Memahami apa bahaya yang mungkin berlaku
- Mengetahui laluan yang selamat untuk bergerak dalam keadaan kecemasan
- Membolehkan komuniti merangka pelan tindakan bencana mereka sendiri melalui peta tematik

## Bahan-bahan

- Slaid pembentangan
- Alat tulis - pen penanda pelbagai warna (merah, biru, hitam, hijau, putih)
- Peta
- Pita pelekat kertas (Masking tape)
- Kamera polaroid
- Nota lekit (*Sticky note/ Post-it note*)
- Pelekat (*Sticker*) - pelbagai warna

## Pembahagian urusetia

- Penceramah utama
- Pengurus pentas
- Fasilitator
- Pelapor

## Kaedah pelaksanaan

- Taklimat ringkas
- Perbincangan
- Pembentangan
- Tinjauan kawasan

## Langkah-langkah

### Langkah 1: Penerangan Pemetaan

1. Fasilitator menerangkan kepentingan konsep pemetaan kawasan.
2. Konsep pemetaan yang dilakukan adalah berdasarkan aktiviti varifikasi kawasan berisiko, selamat dan mempunyai kapasiti.

### Langkah 2: Aktiviti Pemetaan

1. Fasilitator akan membantu peserta untuk mengenalpasti kawasan berisiko di lapangan secara berkumpulan.
2. Peserta akan mengumpulkan maklumat kawasan persekitaran dalam komuniti dengan mengambil kira keterdedahan, risiko dan kapasiti.

### Langkah 3: Pengumpulan Maklumat di Peta

1. Fasilitator akan membantu peserta mengenalpasti lokasi yang dilawati di atas peta dengan menyertakan bukti gambaran atau maklumat yang diperolehi di atas peta

MODUL 4  
Tinjauan Kawasan

Manfaat kepada komuniti

Menyediakan informasi kritikal khusus semasa respons kecemasan

KALENDAR BERMUSIM



**Gambar 6 :**  
*Pemetaan Kawasan*

# MODUL 5



MODUL 5:  
PELAN TINDAKAN BENCANA



TEMPOH:  
30-45 MINIT



KUMPULAN:

## Objektif

- Membina kefahaman asas tentang Pelan Tindakan Bencana berasaskan komuniti
- Membentuk Jawatankuasa dan Membangunkan pelan tindakan
- Mengenalpasti kaedah perkongsian maklumat kepada komuniti

## Bahan-bahan

- Slaid pembentangan
- Alat tulis – pen penanda pelbagai warna (merah, biru, hitam, hijau, putih)
- Peta
- Pita pelekat kertas (Masking tape)
- Kamera polaroid
- Nota lekit (*Sticky note/ Post-it note*)
- Pelekat (*Sticker*) – pelbagai warna

## Pembahagian urusetia

- Penceramah utama
- Pengurus pentas
- Fasilitator
- Pelapor

## Kaedah pelaksanaan

- Taklimat ringkas
- Perbincangan
- Pembentangan
- Tinjauan kawasan

## Langkah-langkah

### Langkah 1: Penerangan Pelan Tindakan Bencana

1. Fasilitator menerangkan kepentingan pelan tindakan bencana dalam komuniti.
2. Kepentingan jawatankuasa bencana di peringkat komuniti.

### Langkah 2: Aktiviti Pembentukan Jawatankuasa Bencana Komuniti

## Manfaat kepada komuniti

1. Pembentukan Jawatankuasa dan pelan tindakan
2. Mengenalpasti kaedah yang berkesan bagi penyebaran maklumat.
3. Pemantauan Pelan Tindakan

**MODUL 5**  
Pelan Tindakan Bencana

**PELAN TINDAKAN KOMUNITI**

TINDAK BALAS		PEMULIHAN		MITIGASI		KESIAPSIAGAAN	
AJK	TUGAS/PERANAN/ TANGGUNGJAWAB	AJK	TUGAS/PERANAN/ TANGGUNGJAWAB	AJK	TUGAS/PERANAN/ TANGGUNGJAWAB	AJK	TUGAS/PERANAN/ TANGGUNGJAWAB

**Gambar 7 :**  
Aktiviti Pembentukan Jawatankuasa Bencana Komuniti

## KESIMPULAN DAN LANGKAH SETERUSNYA

Sebagai respons terhadap keperluan meningkatkan keupayaan komuniti dalam menghadapi risiko bencana, pembangunan modul atau kit panduan (toolkit) CBDRM merupakan satu inisiatif yang strategik dan signifikan. Ia bukan sahaja menyediakan kerangka rujukan yang jelas kepada fasilitator, malah memperkukuh keberkesanan pendekatan fasilitasi yang lebih terancang dan bersifat partisipatif.

Melalui objektif yang digariskan, modul ini berperanan membantu fasilitator dalam merancang dan melaksanakan sesi latihan yang lebih tersusun, inklusif dan berimpak. Ia juga menjadi medium penting dalam menyampaikan pengetahuan dan membina kesedaran komuniti terhadap risiko serta langkah pengurangan bencana.

Secara keseluruhannya, modul ini diharap dapat menyokong pelaksanaan program CBDRM dengan lebih efisien serta memperkasa komuniti untuk menjadi barisan hadapan dalam usaha kesiapsiagaan dan pengurangan risiko bencana secara berterusan dan mampan.



# SENARAI GAMBAR

MUKA SURAT

- 05** **Gambar 1**  
Jadual pengurusan sebelum, semasa dan selepas bencana di peringkat individu, keluarga dan komuniti.
- 07** **Gambar 2**  
Aktiviti 1 - Garis Masa Bencana
- 07** **Gambar 3**  
Aktiviti 2 - Komunikasi Risiko Setempat
- 08** **Gambar 4**  
Aktiviti 3 - Kalendar Musim
- 08** **Gambar 5**  
Aktiviti 4 - Keperluan Persediaan Menghadapi Bencana
- 10** **Gambar 6**  
Pemetaan Kawasan
- 12** **Gambar 7**  
Aktiviti Pembentukan Jawatankuasa Bencana Komuniti